

Perbicaraan kes 1MDB

Najib fail usul perintah dapatkan dokumen 1MDB

Pihak pembelaan turut mohon diberi rakaman percakapan direkodkan

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam memfailkan usul supaya Mahkamah Tinggi mengeluarkan perintah untuk mendapatkan dokumen berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada pihak pendakwaan.

Terdahulu, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili bekas Perdana Menteri itu, memberitahu mahkamah, pihaknya membuat per-

mohonan berkenaan semalam untuk perintah mendapatkan dokumen itu, sama ada dalam bentuk cetakan atau *soft copy*.

“Pembelaan turut memohon perintah untuk mendapatkan rakaman percakapan yang direkodkan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membabitkan syarikat-syarikat berkenaan,” katanya.

Terdahulu, kes itu ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah.

Menerusi notis usul itu, Najib memohon untuk mendapatkan penyata bank bermula 2008 hingga 2020 yang dipercayai mempunyai kaitan dengan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dan suami bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, iaitu Datuk Dr Taw-



Najib Razak

fiq Ayman.

Antara dokumen diminta adalah Aktis Capital Singapore Limited, Country Groups Securities Public Companies, ACME Time Limited (BVI), Butamba Investment Limited, Central Holding Limited, Rhapsody Limited, Cutting Edge Industries Limited, Shearman dan Sterling LLC.

Berdasarkan afidavit sokoangan, Najib, 67, mendakwa beberapa syarikat disenaraikan itu

dipercayai mempunyai hubung kait dengan Jho Low dan keluarga Zeti serta dokumen berkenaan sangat penting untuk pembelaannya dalam perbicaraan kes 1MDB, namun tidak disediakan untuk pasukan pembelaan sebelum kes bermula.

Selain penyata bank, beliau memohon pernyataan identiti pemilik benefisial syarikat, daftar anggota, daftar pengarah serta surat antara bank dan syarikat berkaitan urus niaga, termasuk e-mel, pemindahan telegrafik, borang pengiriman wang, nasihat pembayaran, laporan transaksi, pesanan pembayaran, nasihat kredit serta memo bank.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib ketika dihubungi media, mengesahkan pihak pendakwaan sudah menerima permohonan itu.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 Mac ini untuk sebutan semula bagi permohonan berkenaan.